

Garis Panduan Pembentangan Usulan Projek (T_4172)

Panduan ini disediakan untuk membantu pelajar membuat persiapan pembentangan usulan projek T_4172.

Pembentangan usulan projek T_4172 adalah bermula pada **Minggu 14 (3 - 10 Julai 2023)**.

Pembentangan usulan akan dijalankan **secara bersemuka** dan tempoh pembentangan adalah **20 minit termasuk sesi soal jawab**.

A. Penyediaan slaid pembentangan.

1. Setiap pelajar dikehendaki menyediakan slaid PowerPoint untuk tujuan pembentangan.
2. Bahasa yang diguna adalah Bahasa Melayu (pengecualian bagi pelajar antarabangsa).
3. Slaid hendaklah mengandungi (tetapi tidak terhad):
 - a. Pengenalan projek.
 - b. Masalah kajian.
 - c. Objektif kajian.
 - d. Cadangan penyelesaian (spesifikasi dan reka bentuk).
 - e. Demonstrasi prototaip/perlaksanaan awal (jika ada)
 - f. Kesimpulan.
4. Bilangan slaid harus bersesuaian dengan tempoh pembentangan, **dalam 15 minit**.

B. Sebelum Hari Pembentangan

1. **Semak nama pemeriksa di SPID dan di UKMFolio.**
2. Hubungi pemeriksa bagi mendapatkan pengesahan masa dan lokasi pembentangan mengikut ketetapan yang dibuat oleh pemeriksa.
3. Pastikan anda telah bersedia untuk membentangi.

C. Di Hari Pembentangan

1. Pastikan anda berada di lokasi 10 minit sebelum masa pembentangan.
2. Semasa membentangi, anda hendaklah berpakaian kemas.
3. Jaga masa, anda diberi masa 20 minit untuk membentangi termasuk sesi soal jawab.
4. Semasa sesi soal jawab pemeriksa akan bertanya lanjut mengenai usulan anda. Oleh itu, pastikan anda bersedia dengan bahan-bahan yang dirasakan sesuai untuk menerangkan lebih lanjut tentang usulan anda (jika ditanya).
5. Keupayaan anda menjawab soalan juga akan dinilai oleh pemeriksa selain pembentangan dan laporan usulan (D5).